# TEKS UCAPAN Y.BHG DATUK REKTOR KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA PADA MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA BENGKEL PERFORMANCE INDICATORS

**PADA 14 JUN 2002 DI HOTEL GOLDEN LEGACY MELAKA**

---

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM

ALHAMDULILLAH

RABBIL'ALAMIN,WA-BIHI

NASTA'IN. WASSALAMUA'LA

RASULIHI L-AMIN

Y.BHG PROF DR. AZHARI BIN

SALEH

TIMBALAN REKTOR PEMBANGUNAN

DAN PERANCANGAN KORPORAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

DEKAN-DEKAN FAKULTI

DAN PARA PESERTA BENGKEL

YANG DIHORMATI SEKALIAN.

ALHAMDULILLAH, BERSYUKUR

KITA KE HADRAT ALLAH S.W.T

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

KERANA DENGAN KEIZINANNYA DAPAT SAMA-SAMA KITA BERKUMPUL PADA MALAM INI BAGI MERAIKAN PARA PESERTA BENGKEL PERFORMANCE INDICATORS. SAYA JUGA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH DI ATAS KESUDIAN PARA PESERTA MENGHADIRI BENGKEL YANG AKAN BERLANGSUNG SELAMA DUA HARI BERMULA PADA 15 JUN – 16 JUN INI IAITU (SABTU DAN AHAD) DAN SETERUSNYA AKAN DIADAKAN MESYUARAT PERPUN PADA 17 JUN 2002 (HARI ISNIN) DI BILIK MESYUARAT CANSELERI KUTKM.

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

SUKA SAYA MAKLUMKAN DI SINI KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM) DITUBUHKAN DI BAWAH SEKSYEN 20 AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 (AKTA 30) YANG MANA PENUBUHANNYA ADALAH BERKUATKUASA PADA 1 DISEMBER 2000. KUTKM MERUPAKAN SATU-SATUNYA IPTA DI MALAYSIA YANG MENDOKONG DAN MELAKSANAKAN PENDIDIKAN TINGGI TEKNIKAL SECARA 'HANDS-ON' DENGAN MEMBERIKAN KEUTAMAAN KEPADA PELAJAR DARIPADA ALIRAN TEKNIK DAN KEMAHIRAN. PENUBUHAN KUTKM BERTITIK-TOLAK DARIPADA KEPUTUSAN KERAJAAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN INDUSTRI

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**MASA DEPAN TERHADAP SUMBER TENAGA PROFESIONAL DALAM BIDANG TEKNIKAL YANG BUKAN SAHAJA MEMPUNYAI PENGETAHUAN AKADEMIK YANG MANTAP TETAPI JUGA MEMPUNYAI KETRAMPILAN DAN KEMAHIRAN TEKNIKAL YANG TINGGI.**

**KEPESATAN REVOLUSI TEKNOLOGI MAKLUMAT SERTA TEKNOLOGI KOMUNIKASI KINI TELAH MENCORAKKAN DUNIA.**

**DENGAN ITU PERPUSTAKAAN IPTA/IPTS SEBAGAI GEDUNG ILMU, PERANAN PERPUSTAKAAN DAN PUSTAKAWAN ADALAH AMAT**

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

DIPERLUKAN DAN KRITIKAL KEPADA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN SOSIO-EKONOMI NEGARA. PERANAN TUAN/PUAN DALAM MENGUMPUL, MENDOKUMEN DAN MEMPROSES MAKLUMAT DAN ILMU UNTUK KEMUDAHAN PENGGUNA YANG TERDIRI DARIPADA PELAJAR, PENYELIDIK, PENULIS, USAHAWAN DAN SEBAGAINYA ADALAH AMAT PENTING DALAM KONTEKS MALAYSIA MENJELANG ABAD KE 21.

PARA PUSTAKAWAN MERUPAKAN ASET YANG BERHARGA BAGI SETIAP INSTITUSI PENDIDIKAN DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN ILMIAH. DI MANA KEPERLUAN

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**PUSTAKAWAN TIDAK LAGI TERBATAS SEBALIKNYA MENCABAR DAN MEMERLUKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN ICT YANG TINGGI. TIDAK DAPAT DINAFIKAN PERANAN DAN SUMBANGAN GOLONGAN PUSTAKAWAN KINI ADALAH LEBIH KOMPETITIF DI MANA PUSTAKAWAN ABAD KE 21 AKAN BERTINDAK SEBAGAI PENGURUS MAKLUMAT, ‘KNOWLEDGE OFFICER’, ‘INTERNET NAVIGATOR’, PERUNDING MAKLUMAT, PORTAL MAKLUMAT, PENGURUS REKOD ELEKTRONIK, DAN BROKER MAKLUMAT.**

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

PERPUSTAKAAN KINI BERPERANAN DALAM MENYOKONG, MEMBANTU DAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SERTA SUMBER YANG MENEPATI KEPERLUAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN, PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN, LANTARAN ITU SESEORANG PUSTAKAWAN/PENGURUS MAKLUMAT PERLULAH MEMPUNYAI KEMAHIRAN DAN BERPENGETAHUAN YANG TINGGI.

DENGAN INI SAYA MENYERU KEPADA PARA PUSTAKAWAN SEMUA SUPAYA MENGAMBIL CABARAN INI DENGAN SATU TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBENTUK MASYARAKAT

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka

**BERMAKLUMAT ATAU 'INFORMATION SOCIETY' DALAM MENUJU KE ARAH WAWASAN 2020. ADALAH DIHARAPKAN PARA PUSTAKAWAN TIDAK HANYA MENUMPUKAN SUMBANGAN KEPADA WARGA KAMPUS SAHAJA MALAH IANYA BOLEH DIPERLUASKAN DI KALANGAN MASYARAKAT SETEMPAT.**

**DENGAN INI SAYA AKHIRI UCAPAN DENGAN SEKALI LAGI MENGALU-ALUKAN KEDATANGAN PARA PESERTA DAN BERHARAP BENGKEL INI BERJALAN DENGAN JAYANYA DAN DAPAT MENGHASILKAN SATU RESOLUSI YANG BERNAS.**

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**

© Universiti Teknikal Malaysia Melaka